



Headline: Wanita rugi RM120,000 angkara Macau Scam  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 12 January 2019

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 2

## Wanita rugi RM120,000 angkara Macau Scam

**KUANTAN** - Seorang pesara guru wanita berusia 84 tahun kerugian RM120,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam dalam tempoh sembilan hari sejak 30 Disember lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusuf (**gambar**) berkata, wanita tersebut dihubungi individu yang menyamar pekerja Telekom Malaysia ketika dia berada

di rumahnya di Temerloh.

"Suspek menghubungi mangsa melalui telefon rumah dan memberitahu (akaun) talian tersebut akan ditamatkan kerana terlibat kegiatan perjudian online.

"Perbualan kemudian dipindahkan kepada dua lelaki menyamar sebagai polis yang memaklumkan kononnya pengadu (mangsa) akan



direman kerana turut terlibat jenayah pengubahan wang haram," katanya.

Mohd. Wazir menambah, talian disambung pula kepada seorang lelaki menyamar sebagai pegawai Bank Negara yang memberi arahan kepada mangsa untuk melakukan pemindahan wang ke akaun milik beberapa individu tidak dikenali.

"Alasan diberikan suspek adalah untuk menjamin keselamatan wang milik pengadu.

"Bermula 31 Disember hingga 8 Januari, pengadu memindahkan keseluruhan RM120,000 kepada lima individu berlainan.

"Selepas menyedari tertipu, pengadu membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh semalam (kelmarin) dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," tambahnya.